

## **Pembelajaran Atas Talian: Norma Baharu Pengurusan Siswa USIM**

Oleh: Mohamad Amreel Iman .



*Gambar hiasan: Aplikasi-aplikasi atas talian seperti Duo, Zoom dan Google Meeting semakin mendapat tempat dalam kalangan orang ramai*


NILAI: Perintah Kawalan Pergerakan Berperingkat (PKPB) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan sejak beberapa bulan dahulu berikutan pandemic wabak Covid 19 mendatangkan norma baharu kepada pengurusan sendiri dalam kalangan mahasiswa terutama mahasiswa USIM.

Azwan Fakhrudin, 22, seorang mahasiswa jurusan Kaunseling, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), berkata, norma baharu yang dihadapi oleh para siswa semenjak PKPB beberapa bulan dahulu sedikit sebanyak mengubah corak kehidupan mereka dan gerak kerja mereka dalam pembelajaran.

“Pelaksanaan PKPB di seluruh Malaysia berikutan peningkatan mendadak kembali kes Covid 19 pada bulan 10 lalu telah merubah kaedah pembelajaran mahasiswa daripada secara bersemuka kepada secara atas talian. Hal ini membawa para siswa kepada inisiatif baharu dalam pembelajaran. Aplikasi –aplikasi pembelajaran atas talian seperti “Zoom”, “Duo”, “Google Classroom”, “Microsoft Team” dan lain- lain mula didekati dan dipelajari. Ini sedikit sebanyak dapat memberikan impak positif kepada para pelajar dalam interaksi kemajuan teknologi pendidikan seiring Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)”.

Tegas beliau lagi, pembelajaran atas talian juga sedikit sebanyak dapat membimbing mereka tentang pengurusan mental dan fizikal.

“ Pembelajaran atas talian sedikit sebanyak dapat menjadikan mereka lebih bagus dari sudut pengurusan mental dan fizikal kerana semenjak berlangsungnya pengajian atas talian para siswa berhadapan dengan dua tanggungjawab iaitu tanggungjawab sebagai seorang mahasiswa dan juga tanggungjawab sebagai ahli keluarga. Di samping mereka bertungkus lumus menyiapkan tugas mereka sebagai mahasiswa mereka juga harus menjaga hal- hal berkaitan pengurusan kekeluargaan seperti menjaga adik kecil, membantu ibu bapa, mengemas rumah dan sebagainya”, katanya.



*Gambar hiasan: Aplikasi -aplikasi videografi sememangnya menggalakkan produktiviti dalam tugas para siswa.*

Manakala bagi seorang mahasiwa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,(FKP), USIM, Ahmad Haziq Ramlee,21, berkata, pembelajaran atas talian menjadikan mereka lebih berdikari dalam pelaksanaan tugas.

“ Kebiasaan pada semester -semester yang lepas saya banyak melaksanakan kerja secara berkumpulan termasuk dalam mengumpul bahan rujukan dan ilmiah bagi tugas. Kini,semua perkara tersebut saya lakukan secara bersendirian”.

Menurut anak kelahiran Sungai Petani itu lagi, pembelajaran secara atas talian kali ini menjadikan beliau lebih berdaya kreatif dalam menyiapkan tugas kerana memerlukan banyak pembentangan tugas tersebut perlu dilakukan dalam bentuk videografi dan ilustrasi.

“ Sebelum ini saya jarang mengambil tahu tentang penggunaan aplikasi –aplikasi berkaitan videografi dan ilustrasi dalam kerja pembentangan seperti “Vimeo”, “Kinemaster”, “Filmora”, “Canva” dan Adobe SparkPost. Namun, kini saya mula berjinak-jinak dalam mempelajari dan menggunakannya”, katanya ketika ditemubual secara atas talian.